

TINJAUAN TERHADAP KEADAAN
SOSIO-EKONOMI PENDUDUK PETEMPATAN PINGGIR BANDAR:
Kajian Kes - Kampung Manjoi, Ipoh

oleh

Faridah Akhmar Ayub

LATIHAN ILMIAHINI
Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan
BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1984

Untuk Datuk, Opah,
Ibu dan Bapaku yang
dikasihi serta adik-
adikku yang dicintai.

(i)

PRAKATA

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan salah satu daripada kursus perlu yang membawa beban kerja sebanyak lapan yunit di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Kursus ini merupakan satu kursus yang mengambil masa satu sessi iaitu sepanjang Sessi 1983/84. Tetapi memandangkan banyak beban kerja yang perlu dibuat, jadi ia perlu dimulakan pada cuti panjang Semester Kedua Sessi 1982/83. Setiap pelajar yang mengikuti kursus ini diberi tunjukajar oleh seorang pensyarah yang bertindak sebagai seorang penyelia dan penasihatnya sepanjang program ini.

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada kerja-kerja luar disamping mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari dari bilik kuliah. Adalah di harap melalui kajian ini, hasil-hasilnya dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk penyelidikan seterusnya.

Melalui beberapa kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini yang merupakan tanggungjawab pengkaji, pihak pengkaji akan bersedia menerima segala teguran dengan hati yang terbuka.

Kata-Kata Penghargaan

Sejak dari awal lagi bagi memulakan Latihan Ilmiah ini hingga ke akhirnya, saya telah mendapat segala dorongan dan bantuan daripada ramai orang. Oleh itu, melalui ruangan ini, saya hulurkan segala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat.

Kepada Encik Hassan Naziri bin Khalid yang bertindak sebagai penyelia dan penasihat saya, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kerana kesabaran, galakan dan segala nasihat yang bernas semasa tempoh seluruh kajian Latihan Ilmiah ini dijalankan.

Ucapan terima kasih saya hulurkan kepada pegawai-pegawai Yunit Perancang Ekonomi Negeri Perak, (UPEN), Pengarah serta Penolong Pengarah Perancang Bandar dan Desa, di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak, dan Penolong Pengarah Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Ipoh kerana layanan dan bantuan yang sukar ditandingi. Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih saya kepada Penolong Pegawai Daerah III, Kinta di Pejabat Tanah dan Daerah Kinta, Ipoh serta Penghulu Mukim Ulu Kinta di Pejabat Penghulu Ulu Kinta, Ipoh, Perak.

Selain daripada itu, ucapan terima kasih saya hulurkan kepada penduduk-penduduk petempatan pinggir Kg. Manjoi yang sepanjang masa telah memberikan kerjasama bagi membolehkan saya mengumpulkan sebahagian besar maklumat Latihan Ilmiah ini.

Akhirnya, terima kasih kepada Encik Ahmad bin Endut, Encik Khalid dan Encik Chong yang bersusah-payah melukiskan kedua-dua peta bagi Latihan Ilmiah ini.

Sekian.

Faridah Akhmar Ayub

ABSTRAK

Oleh kerana berlakunya proses perbandaran yang agak pesat di bandar-bandar besar di Malaysia ini, maka ini sudah tentu akan mempengaruhi keadaan fizikal dan alam sekitar budaya satu-satu petempatan di sekitar bandar-bandar tersebut. Satu-satu petempatan yang wujud di sekitar kawasan bandar terpaksa mengubahsuaikan beberapa aspek petempatan agar dapat bersama-sama menempuh alam sekitar perbandaran. Di dalam menjalani alam sekitar perbandaran ini, terdapat beberapa buah petempatan yang hilang kekehalkannya di mana penduduk-penduduknya berpindah ke tempat lain bagi memulakan satu penghidupan yang lebih baik.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa keadaan sosio-ekonomi para penduduk petempatan pinggir yang telah berjaya menetap secara kekal di kampung Melayu tersebut walaupun kebanyakannya berpendapatan rendah dan berasal dari luar bandar; dan juga untuk menyuji satu andaian iaitu pengekalan dan perkembangan petempatan Melayu di bandar memerlukan sokongan dan bantuan daripada kerajaan.

Di antara penemuan-penemuan penting yang diperolehi dari kajian ini ialah petempatan pinggir ini dapat mengekalkan kedudukannya oleh kerana adanya campurtangan dari kerajaan yang bukan saja menghadkan petempatan ini untuk orang-orang Melayu saja tetapi juga dengan memudahkan pemberian hak milik tanah kepada pemohon-pemohon yang berasal dari luar bandar.

Penyediaan kemudahan-kemudahan asas oleh kerajaan telah memudahkan penduduknya menyesuaikan diri dengan alam